



PEMBERITAHUAN

(Ruj: PPN FASA 3 / MPKangar / 2021 / 01)

WAKTU OPERASI PREMIS / AKTIVITI PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 3 BERKUAT KUASA MULAI 04 OGOS 2021

Berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 3 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), waktu operasi premis / aktiviti perniagaan yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PPN Fasa 3 berkuatkuasa mulai 04 Ogos 2021 bagi Negeri Perlis adalah seperti berikut :

Aktiviti Perniagaan	Had Waktu Operasi
Restoran (termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi), kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (<i>food truck</i>), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan dan kiosk makanan <i>Nota : Penjualan makanan dibenarkan secara dine-in (dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter tertakluk kepada SOP KPDNHEP), bawa pulang, pandu lalu dan penghantaran.</i>	6.00 pagi – 12.00 tengah malam
Perkhidmatan kesihatan seperti hospital, klinik, makmal perubatan, hospital veterinar dan klinik veterinar	Sehingga 24 jam, atau berdasarkan lesen kebenaran beroperasi
Stesen minyak di lebuh raya bertol Stesen-stesen minyak lain	Sehingga 24 jam 6.00 pagi – 12.00 tengah malam
Premis / aktiviti perniagaan lain di bawah Sektor Perdagangan Pengedaran (rujuk Lampiran A) (tertakluk kepada SOP KPDNHEP)	6.00 pagi – 12.00 tengah malam (tertakluk kepada syarat lesen masing-masing)
Pusat spa, refleksologi, urut, <i>wellness</i> dan perkhidmatan <i>pedicure</i> dan <i>manicure</i>	Tidak dibenarkan beroperasi

Pasar harian dan pasar awam (dengan pematuhan SOP dan pengawasan pihak berkuasa / RELA / PBT)	6.00 pagi – 2.00 petang
Pasar borong (dengan pematuhan SOP dan pengawasan pihak berkuasa / RELA / PBT)	4.00 pagi – 9.00 pagi
Pasar Segar Terkawal (PST)	7.00 pagi – 2.00 petang
Pasar Tani Kekal (PTK), MyFarm Outlet (MFO) dan Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)	6.00 pagi – 6.00 petang
Pasar tani dan pasar pagi (dengan pematuhan SOP dan pengawasan pihak berkuasa / RELA / PBT / penganjur)	7.00 pagi – 1.00 tengah hari
Pasar malam dan pasar minggu (dengan pematuhan SOP dan pengawasan pihak berkuasa / RELA / PBT / penganjur)	4.00 petang – 10.00 malam

Maklumat lengkap mengenai SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 dan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan beroperasi mengikut sektor boleh dirujuk di laman sesawang rasmi, Facebook atau Telegram kementerian / agensi yang berkaitan iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), dan lain-lain mengikut sektor masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

Arahan,

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
Tarikh : 04 Ogos 2021.